

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	21 SEPTEMBER 2016

## Saya ditinggalkan jet PM di Madinah

Sinar Harian – 21 Sept 2016

**PADA** tahun 2000 saya pergi lagi ke tanah suci, kali ini membuat liputan lawatan rasmi perdana menteri (ketika itu **Tun Dr Mahathir Mohamad**). Memandangkan program lawatan seperti selalunya dirancang rapi oleh semua pihak berkaitan, maka saya tidak langsung meramalkan sebarang masalah.

Seperti ke mana-mana pun saya dan wartawan lain pergi dalam lawatan rasmi seperti itu, segala keperluan, daripada tempahan tiket kapal terbang hingga kepada penginapan biasanya disediakan. Rupa-rupanya telahan saya tersasar kali ini. Saya berhadapan dengan masalah besar.

Tidaklah seserius tragedi kesesakan, tolak-menolak dan tindih-menindih yang berlaku di terowong Muassim, Mina, yang meragut lebih 1,500 nyawa ketika saya tunai haji pada 1990, tetapi ia tetap mencemaskan. Ia bermula selepas rombongan kami yang seramai 36 orang tiba di Madinah. Kami ditempatkan di Hotel Oberoi, terletak hanya 80 meter dari Masjid Nabawi.

Sebelum Zohor, beberapa orang yang bersama perdana menteri di kawasan Raudah, diberi penghormatan memasuki makam Nabi SAW. Tentu saya tidak mahu lepaskan peluang keemasan seperti itu. Bukan semua orang diizinkan masuk kawasan makam Nabi.

Keesokannya, seorang pegawai bertugas mengedarkan surat ringkas ke bilik kami yang memaklumkan bahawa kami perlu bersiap sedia untuk keluar dari hotel jam 8.30 malam untuk bertolak ke Riyadh dengan jet peribadi perdana menteri. Semua penjadualan penerbangan kami dengan pesawat komersial dibatalkan.

Saya masukkan kain baju ke dalam beg, dan petang itu, saya ke Masjid Nabawi lagi. Di antara Maghrib dan Isya saya mengambil peluang membaca al-Quran. Jam 7.15 malam, saya kembali ke hotel untuk bersama rombongan yang bakal bertolak jam 8.30 malam seperti dijadualkan.

Tetapi alangkah terkejutnya saya apabila dapati beg saya sudah tiada lagi dalam bilik dan semua rakan wartawan sudah tiada di bilik masing-masing. Akhirnya saya diberitahu oleh seorang lelaki Melayu yang ada di hotel itu bahawa perdana menteri bersama rombongannya sudah meninggalkan hotel. Saya mula cemas. Seingat saya, saya tidak pernah segelabah itu; ke hulu ke hilir di luar hotel dan di sekitar masjid, mencari mereka macam kucing kehilangan anak.

Antara jam 7.45 dan 9.45 malam saya berjalan mencari rakan-rakan rombongan, setiap detik mendoakan agar dapat temui mereka. Percikan keringat jangan dikira lagi! Gagal menemui mereka di situ, saya menyewa teksi, terus ke kawasan lapangan terbang khas yang dijadualkan membawa rombongan kami ke Riyadh, tetapi tempat itu sunyi-sepi. Seorang manusia pun tidak ada. Saya balik semula ke Masjid Nabawi, debaran jantung bertambah kencang.